

Headline	Tekanan jualan jejas prestasi bursa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	39
ArticleSize	410 cm <sup>2</sup>	Journalist	BERNAMA
PR Value	RM 40,885		



# Tekanan jualan jejas prestasi bursa

**Tiga kaunter indeks paling rugi heret turun FBM KLCI 7.54 mata**

## Ulasan Pasaran

**Dagangan** di Bursa Malaysia ditutup rendah petang semalam berikutan tekanan jualan yang dilihat merentasi keseluruhan pasaran.

Kaunter berkaitan indeks, Top Glove Corporation Bhd, MISC Bhd dan Press Metal Aluminium Holdings Bhd antara kaunter paling rugi dengan ketiga-tiga ini mengheret turun indeks barometer FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) sebanyak 7.54 mata, kata peniaga.

Pada jam 5 petang, indeks penanda aras pasaran itu susut 18.74 mata kepada 1,578.89 berbanding 1,597.63 pada penutupan petang Rabu.

Selepas dibuka 5.45 mata lebih rendah pada 1,592.18, indeks FBM KLCI bergerak antara

1,577.45 hingga 1,592.74 di sepanjang sesi urus niaga.

Pergerakan harga di pasaran menyaksikan kaunter rugi mengatasi kaunter untung dengan 747 berbalas 338, manakala 413 kaunter tidak berubah, 721 tidak diniagakan dan enam yang lain digantung.

Jumlah dagangan menyusut menjadi 4.18 bilion unit bernilai RM2.92 bilion berbanding 5.91 bilion unit bernilai RM3.23 bilion pada Rabu.

Seorang peniaga berkata, bursa tempatan berada dalam zon negatif sejak dibuka untuk urus niaga pagi semalam, mengambil petunjuk daripada prestasi saham global semalaman yang tidak menentu di tengah jangkaan para pelabur terhadap pelonggaran langkah rangsangan COVID-19 oleh bank pusat.

"Bursa masih dalam mood stabil dengan penurunan hari ini (semalam) diburukkan lagi kelemahan prestasi bursa serantau," katanya.

Sementara itu, ketua ekonomi Bank Islam, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, menyatakan tekanan jualan agak meluas dan ini mencerminkan usaha pelabur untuk mengaut keuntungan selepas harga ekuiti naik mendadak

baru-baru ini.

"Kebimbangan terhadap pasaran buruh AS sejak minggu lalu, tindakan tegas peraturan China terhadap syarikat swasta dan sekatan pergerakan di beberapa kawasan berikutan kenaikan jangkitan COVID-19 mungkin menjadi penyebab kepada tekanan jualan berkenaan," katanya.

"Dan hari ini (semalam), Bank Negara Malaysia mengambil keputusan mengekalkan kadar dasar Semalaman (OPR) pada 1.75 peratus dengan baki risiko kini cenderung ke bawah.

"Jadi apa yang kita lihat minggu ini adalah kenaikan dalam penghindaran risiko," katanya.

Beliau menambah, jelas peningkatan kes baharu COVID-19 terus menggegarkan pasaran walaupun terdapat kadar vaksinasi lebih tinggi di seluruh dunia dan ini benar, terutama kerana terdapat kawasan tertentu dilaporkan kembali melaksanakan sekatan pergerakan, sekali gus menunjukkan rentak pemulihan ekonomi terus berlanjutan menjadi tidak sekata.

Beralih kepada perkembangan prestasi bursa serantau, Nikkei 225 Jepun menyusut 0.57 peratus kepada 30,008.19, Indeks Hang Seng Hong Kong turun 2.3

peratus kepada 25,716.0, Kospi Korea Selatan merosot 1.53 peratus menjadi 3,114.7, sementara Indeks Straits Times Singapura naik 0.01 peratus kepada 3,069.22.

Di bursa tempatan pula, saham berwajaran tinggi Maybank dan Public Bank masing-masing susut lima sen kepada RM8.26 dan RM4.10, Petronas Chemicals turun satu sen kepada RM8.08, **Tenaga Nasional lebih rendah sebanyak empat sen kepada RM10.26** tetapi IHH Healthcare naik 21 sen kepada RM6.61.

Bagi saham aktif, Kanger naik setengah sen kepada 6.5 sen, KNM turun setengah sen kepada 26 sen, sementara TA Win, JOE Holding dan Focus Dynamics tidak berubah pada 14.5 sen, lima sen dan 5.5 sen.

Di papan indeks, Indeks FBM Emas turun 130.77 mata kepada 11,534.53, Indeks FBMT 100 susut 132.78 mata pada 11,231.67, dan Indeks FBM Emas Syariah lebih rendah sebanyak 147.79 mata kepada 12,640.54.

FBM 70 jatuh 176.03 mata kepada 15,064.49 dan FBM ACE susut 58.52 mata kepada 7,193.56.

Mengikuti sektor, Indeks Perladangan turun 74.84 mata kepada 6,653.71, Indeks Perkhidmatan Kewangan berkurangan 137.53

mata kepada 15,388.91, dan Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian turun 1.66 mata kepada 200.95.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama menyusut kepada 2.69 bilion saham bernilai RM2.62 bilion daripada 3.83 bilion saham bernilai RM2.85 bilion pada hari Rabu.

Jumlah dagangan waran pula meningkat kepada 395.47 juta unit bernilai RM62.95 juta berbanding 377.15 juta unit bernilai RM53.53 juta sebelumnya.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE menyusut kepada 1.09 bilion saham bernilai RM236.47 juta daripada 1.71 bilion saham bernilai RM337.99 juta kelmarin.

Produk dan perkhidmatan pengguna merangkumi 482.85 juta saham yang diniagakan di Pasaran Utama, produk dan perkhidmatan perindustrian (974.03 juta), pembinaan (159.52 juta), teknologi (254.17 juta), SPAC (sifar), perkhidmatan kewangan (65.72 juta), hartanah (158.64 juta), perladangan (71.40 juta), REIT (11.07 juta), dana tertutup (9,700), tenaga (267.93 bilion), penjagaan kesihatan (122.51 juta), telekomunikasi dan media (29.11 juta), pengangkutan dan logistik (76.62 juta) dan utiliti (18.92 juta).

BERNAMA